

D.R. 3/94

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG
KAWALAN PADI DAN BERAS 1994**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

**KETUA PENGARAH BAGI PENGAWALAN
PADI DAN BERAS**

3. Perlantikan Ketua Pengarah.
4. Kewajipan dan fungsi Ketua Pengarah.
5. Kuasa Menteri untuk memberi arahan-arahan.

BAHAGIAN III

**KUASA-KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN
PENGUATKUASAAN, PENGGELEDAHAN,
PENYITAAN, PENANGKAPAN, DSB.**

6. Pemberikuasaan kepada pegawai untuk menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini.
7. Kuasa untuk mendapatkan maklumat.
8. Kuasa untuk memasuki premis.
9. Kuasa menyiasat.

RANG UNDANG-UNDANG

Fasal

10. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes itu.
11. Pemeriksaan orang yang mengetahui kes itu.
12. Pendakwaan.
13. Penyitaan padi atau beras atau apa-apa benda berkaitan dengan sesuatu kesalahan.
14. Kuasa untuk menahan dan menggeledah kenderaan.
15. Benda-benda yang disita yang berkenaan dengannya tiada pendakwaan.
16. Pelepasan atau pelupusan padi, beras, dsb.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN, PENALTI DAN PROSIDING

17. Larangan atas penyembunyian atau pemusnahan padi atau beras.
18. Kesalahan kerana enggan menjual beras.
19. Syarat yang menyalahi undang-undang.
20. Memiliki padi atau beras dengan menyalahi undang-undang.
21. Kesalahan menghalang.
22. Penalti am.
23. Beban membuktikan.
24. Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui.
25. Barang-barang yang disita yang berkenaan dengannya ada pendakwaan.
26. Kesan perlucutkan.
27. Bidang kuasa Mahkamah.
28. Perlindungan orang yang diberikuasa.

BAHAGIAN V

AM

29. Kuasa untuk membuat peraturan.
30. Kerahsiaan dan penalti.
31. Ketakpemakaian undang-undang tertentu berkenaan dengan padi dan beras.

BAHAGIAN VI

PEMANSUHAN, PERUNTUKAN-PERUNTUKAN
PERALIHAN DAN KECUALIAN, DSB.

Fasal

32. Pemansuhan, peruntukan-peruntukan peralihan dan kecualian.
33. Pindahmilik tanah.

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk membuat peruntukan dalam undang-undang yang berhubungan dengan padi dan beras dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994.
Tajuk
ringkas,
pemakaian
dan mula
berkuatkuasa.

 (2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

 (3) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya *Tafsiran*. menghendaki makna yang lain—

 "Ketua Pengarah" ertiannya Ketua Pengarah bagi pengawalan padi dan beras;

 "Lembaga" ertiannya Lembaga Padi dan Beras Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi padi dan beras;

"padi" atau "beras" termasuklah padi atau beras dalam apa-apa bentuk, hasil sampingan padi atau beras, dan apa-apa hasil yang keseluruhannya atau sebahagian besarnya dibuat atau diperolehi daripada padi atau beras:

Dengan syarat bahawa Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan padi atau beras dalam apa-apa bentuk tertentu, atau apa-apa hasil atau hasil sampingan tertentu padi atau beras, daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

"pegawai diberikuasa" ertinya seseorang pegawai yang diberikuasa di bawah seksyen 6;

"pemasaran" ertinya menjual, membeli, menyimpan, mengangkut, memproses, mengilang, membersihkan, menggredkan, membungkus, mengiklan dan memajukan;

"Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" ertinya Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang dilantik di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957.

BAHAGIAN II

KETUA PENGARAH BAGI PENGAWALAN PADI DAN BERAS

**Perlantikan
Ketua
Pengarah.**

3. (1) Menteri hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik seorang pegawai awam menjadi Ketua Pengarah untuk mengawal padi dan beras bagi maksud melaksanakan kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi yang ditugaskan kepadanya di bawah Akta ini.

(2) Ketua Pengarah hendaklah memegang jawatan selama tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mengadakan suatu meterai rasmi untuk pengesahan dokumen-dokumen yang diperlukan bagi maksud-maksud kewajipan dan fungsinya di bawah Akta ini.

4. (1) Kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah hendaklah seperti berikut:

Kewajipan
dan fungsi
Ketua
Pengarah.

- (a) menyimpan dan menyenggara suatu bekalan padi dan beras yang mencukupi;
- (b) memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani;
- (c) memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna-pengguna;
- (d) memastikan bekalan beras yang mencukupi bagi memenuhi segala kecemasan; dan
- (e) membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai polisi yang dimaksudkan untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras, dan, jika diluluskan oleh Kerajaan, untuk menyelaras dan membantu pelaksanaannya.

(2) Tertakluk kepada kelulusan Menteri terlebih dahulu, Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat segala perkara yang suaimanfaat atau yang semunasabahnya perlu atau yang bersampingan dengan menunaikan fungsi-fungsinya, dan khususnya, tetapi tanpa menjelaskan keluasan makna yang tersebut di atas—

- (a) melaksanakan harga minimum yang terjamin bagi padi;
- (b) menguatkuasakan pengekalan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna-pengguna;
- (c) menetapkan harga maksimum atau minimum bagi padi atau beras;
- (d) menyenggara atau menghendaki mana-mana orang menyenggara simpanan-cadang padi atau beras bagi maksud strategi dan penstabilan harga;

RANG UNDANG-UNDANG

- (e) mengawalselia dan mengawal pembayaran subsidi kepada penanam-penanam padi;
- (f) mengawalselia pemasaran padi dan beras khususnya melalui pelesenan penjual borong, penjual runcit, pengilang beras, pengimport dan pengeksport;
- (g) mengawalselia dan mengawal amaun padi atau beras yang boleh disimpan, distor atau dimiliki oleh mana-mana orang;
- (h) mengenakan pencatuan mengenai padi atau beras dan untuk mengawalselia dan mengawal pencatuannya; untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran semua atau mana-mana orang bagi maksud pencatuan itu dan bagi mengeluarkan kad-kad catuan atau dokumen catuan lain, dan melantik pembanci-pembanci bagi membanci orang awam atau mana-mana kumpulannya bagi maksud pencatuan;
- (i) mengambil stok padi atau beras yang dipunyai oleh mana-mana orang dan membayar pampasan yang mencukupi baginya;
- (j) mengawalselia dan mengawal pengilangan padi ke beras termasuk kadar dan kekerapan pengendalian pengilangan;
- (k) menjalankan tinjauan dan penyiasatan berkenaan dengan perusahaan padi dan beras;
- (l) menghendaki orang-orang yang terlibat dalam penghasilan atau pemasaran padi dan beras untuk mendaftar dan memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah mengikut cara yang ditentukan olehnya;
- (m) mengawalselia penghasilan padi;

- (n) melarang, mengawalselia atau mengawal pemindahan padi atau beras; dan
- (o) menghendaki mana-mana orang yang berurusan dalam perusahaan padi dan beras mengemukakan laporan berhubung dengan kegiatannya.
5. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan kepada Ketua Pengarah arahan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan segala arahan-arahan itu.
- Kuasa Menteri untuk memberikan arahan.
- ### BAHAGIAN III
- KUASA-KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN
PENGUATKUASAAN, PENGGELEDAHAN,
 PENYITAAN, PENANGKAPAN, DSB.**
6. (1) Ketua Pengarah boleh memberikuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah Bahagian ini.
- (2) Pada menjalankan mana-mana kuasa di bawah Bahagian ini, pegawai itu hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia mengambil tindakan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, surat kuasa yang dikeluarkan kepadanya oleh Ketua Pengarah.
- Pemberi-kuasaan kepada pegawai untuk menjalankan kuasa di bawah Bahagian ini.
7. (1) Seseorang pegawai diberikuasa boleh dengan surat yang ditandatanganinya atau melalui pemberitahuan dalam *Warta* menghendaki mana-mana orang atau golongan atau perihal orang-orang atau semua orang—
- (a) memberi kepadanya atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan dalam rekuisisi itu dengan terbitan berkala atau penyata lain atau maklumat yang lengkap dan tepat
- Kuasa untuk mendapatkan maklumat.

RANG UNDANG-UNDANG

berkenaan dengan padi atau beras menunjukkan semua atau mana-mana butir berikut:

- (i) kuantiti padi atau beras dalam miliknya atau milik mereka atau di bawah kawalannya atau kawalan mereka;
 - (ii) kos padi atau beras atau perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengannya;
 - (iii) harga yang dikenakan atau diterima olehnya atau oleh mereka bagi padi atau beras;
 - (iy) apa-apa maklumat lain yang disifatkan oleh pegawai diberikuasa perlu diminta berkenaan dengannya;
- (b) mengemukakan untuk diperiksa apa-apa buku atau dokumen berhubungan dengan padi atau beras dalam miliknya atau milik mereka atau di bawah kawalannya atau kawalan mereka;
- (c) mendaftarkan nama dan alamatnya atau nama-nama dan alamat-alamat mereka dan butir-butir lain dan mengikut cara yang ditentukan oleh pegawai diberikuasa; dan
- (d) menyenggara rekod dan membuat penyata mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai diberikuasa berhubungan dengan pengambilan, pelupusan, perletakan, penarikan balik, penghasilan, perawatan, pengagihan, pemakaian dan penggunaan padi atau beras.
- (2) Jika seseorang yang kepadanya suatu permintaan telah dibuat di bawah subseksyen (1) gagal mematuhi permintaan itu dalam masa yang dinyatakan dalam permintaan itu atau, jika tiada masa dinyatakan, gagal mematuhi dalam masa yang berpatutan, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(3) Jika apa-apa maklumat dikehendaki diberi menurut subseksyen (1), seseorang pegawai diberikuasa boleh mengemukakan kepada mana-mana orang apa-apa soalan sama ada secara lisan atau bertulis atau boleh menghendaki mana-mana orang mengemukakan apa-apa buku atau dokumen yang difikirkan oleh pegawai diberikuasa itu perlu bagi maksud mendapatkan maklumat, dan mana-mana orang yang enggan menjawab atau dengan disedarinya memberi jawapan yang palsu kepada soalan itu atau enggan mengemukakan buku atau dokumen itu, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

8. (1) Mana-mana pegawai diberikuasa atau pegawai polis—
Kuasa untuk memasuki premis.

- (a) bagi maksud menguji ketepatan sesuatu rekod yang disimpan atau sesuatu penyata yang dibuat atau maklumat yang diberi kepada seseorang pegawai diberikuasa di bawah seksyen 7; atau
- (b) bagi maksud mendapatkan maklumat, boleh—
 - (aa) masuk pada bila-bila masa yang munasabah mana-mana tanah, rumah, bangunan atau tempat-tempat lain yang dimiliki atau diduduki oleh mana-mana orang; dan
 - (bb) menjalankan apa-apa penyiasatan dan pemeriksaan (termasuk penyiasatan dan pemeriksaan buku-buku) sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(2) Jika, hasil daripada apa-apa penyiasatan dan pemeriksaan yang dibuat di bawah subseksyen (1), terdapat perselisihan antara kuantiti atau kualiti padi atau beras yang dijumpai itu dengan mana-mana rekod atau penyata yang dikehendaki disimpan atau dibuat atau apa-apa maklumat yang diberi mengenai padi atau beras itu, maka orang yang dikehendaki menyimpan rekod atau membuat penyata atau memberi maklumat itu adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa menyiasat.

9. (1) Seseorang pegawai diberikuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

N.M.B.
Bab 6.

(2) Seseorang pegawai diberikuasa boleh, berhubungan dengan penyiasatan berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, menjalankan kuasa-kuasa khas berhubungan dengan penyiasatan polis kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran yang diberikan oleh Kanun Prosedur Jenayah bagi kesalahan boleh tangkap tidak boleh dijalankan olehnya.

(3) Apabila selesai penyiasatannya, pegawai diberikuasa hendaklah dengan serta-merta memberikan semua maklumat berhubungan dengan perlakuan kesalahan itu kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi suatu balai polis dan seseorang pegawai polis boleh, dengan waran, menangkap mana-mana orang yang mungkin telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes.

10. (1) Seseorang pegawai diberikuasa yang membuat penyiasatan di bawah seksyen 9 boleh dengan perintah bertulis menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang ternyata kepada pegawai diberikuasa mengetahui hal keadaan kes, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika orang itu tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki, pegawai diberikuasa boleh melaporkan ketidakhadirannya kepada seorang Majistret yang akan mengeluarkan saman untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana dikehendaki oleh perintah yang disebut terdahulu.

Pemeriksaan orang yang mengetahui kes.

11. (1) Seseorang pegawai diberikuasa yang membuat penyiasatan di bawah seksyen 9 boleh mendapatkan maklumat daripada mana-mana orang yang disangka mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan berhubungan dengan kes yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai diberikuasa:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin berkecenderungan mendedahkannya kepada pendakwaan jenayah atau penalti alau perlucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuai keseluruhannya atau sebahagiannya untuk menjawab soalan-soalan itu.

(4) Pegawai diberikuasa yang mendapat maklumat daripada seseorang hendaklah pertamanya memberitahu orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuai oleh seseorang di bawah seksyen ini hendaklah, bila masa mungkin, mengubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas ianya dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dia telah membuatnya dan selepas dia diben peluang untuk membuat apa-apa pcmbetulan yang dia mahu.

(1) Tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya tanpa sanksi secara bertulis oleh Pendakwa Raya. Pendakwaan.

(2) Pendakwaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah.

(1) Dalam tiap-tiap kes yang maklumat diberi secara bersumpah kepada seorang Majistret bahawa terdapat sebab munasabah untuk mengesyaki bahawa terdapat di mana-mana tanah, rumah, bangunan atau tempat lain apa-apa padi, beras, bekas, bungkus, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang telah digunakan untuk melakukan atau berhasrat

Penyitaan
padi atau
beras atau
apa-apa
benda
berkaitan
dengan
sesuatu
kesalahan.

RANG UNDANG-UNDANG

untuk digunakan untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dia hendaklah mengeluarkan waran di bawah tandatangannya yang dengannya seseorang pegawai diberikuasa atau pegawai polis yang dinamakan atau disebut dalam waran itu boleh memasuki tanah, rumah atau bangunan pada bila-bila masa yang munasabah pada siang atau malam, dan menggeledah dan menyita atau mengelak apa-apa padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen itu atau artikel lain.

(2) Jika pegawai diberikuasa atau pegawai polis berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran geledah, apa-apa padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang digunakan untuk melakukan atau berhasrat untuk digunakan untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya berkemungkinan dipindahkan atau dimusnahkan, dia boleh memasuki mana-mana tanah, rumah, atau bangunan tanpa waran dan menyita atau mengelak apa-apa padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang terdapat di dalamnya.

(3) Maka adalah menjadi suatu kesalahan bagi seseorang tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak atau memindahkan mana-mana padi, beras, bekas, bungkusan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain atau cuba berbuat sedemikian.

(4) Semua padi dan beras yang berkenaan dengannya telah atau ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa telah, berlaku suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau

apa-apa sekatan atau syarat yang tertakluk kepadanya atau yang berdasarkannya suatu lesen atau permit telah diberi, berserta dengan apa-apa bekas, bungkusan, kenderaan, vesel atau artikel lain, yang di dalamnya padi dan beras itu telah dijumpai atau yang telah digunakan berkaitan dengan kesalahan atau pelanggaran itu, dan apa-apa buku atau dokumen yang semunasabahnya dipercayai mempunyai kaitan dengan kes itu, boleh disita oleh pegawai diberikuasa atau pegawai polis di mana-mana tempat sama ada di darat atau di perairan wilayah.

(5) Semua padi dan beras itu dan bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain hendaklah, dengan seberapa segera yang sesuai, diserahkan ke dalam jagaan seseorang pegawai diberikuasa yang tugasnya adalah untuk menerima padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu.

(6) Seseorang pegawai diberikuasa atau pegawai polis yang membuat apa-apa penyitaan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah menyediakan suatu senarai benda-benda yang disita dan alasan bagi penyitaan itu dan, dengan serta-merta atau dengan seberapa segera yang praktik, menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pesalah atau pemunya, atau ejen atau pengkhidmatnya yang berada di premis itu dan jika premis itu tak berpenghuni, pegawai tersebut hendaklah, di mana-mana juga mungkin, menampalkan suatu senarai barang-barang yang disita di premis itu.

(7) Dalam seksyen ini, "perairan wilayah" ertinya perairan wilayah Malaysia yang ditentukan menurut Ordinan No. 7 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1969.

*P.U. (A)
307A/69.*

14. (1) Jika seseorang pegawai diberikuasa atau pegawai polis yang semunasabahnya mengesyaki bahawa suatu kenderaan itu membawa padi atau beras yang berlanggaran dengan mana-mana peruntukan Akta

Kuasa untuk
menahan dan
mengeledah
kenderaan.

ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, maka adalah sah bagi pegawai itu menahan dan memeriksa kenderaan itu bagi maksud menentukan sama ada apa-apa padi atau beras terdapat di dalamnya atau sedang dipindahkan atau diangkut yang berlawanan dengan peruntukan itu dan orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu hendaklah jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai itu, memberhentikan kenderaan itu dan membenarkan pegawai itu memeriksanya.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga kenderaan yang diperiksa di bawah peruntukan subseksyen (1) hendaklah atas permintaan pegawai diberikuasa atau pegawai polis membuka semua bahagian kenderaan itu untuk diperiksa oleh pegawai itu dan mengambil semua langkah yang perlu untuk membolehkan pemeriksaan itu dibuat sebagaimana dianggap perlu oleh pegawai itu.

Benda-benda
yang disita
yang
berkenaan
dengannya
tiada
pendakwaan.

15. (1) Tertakluk kepada seksyen 16, jika tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana padi atau beras yang disita di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, padi atau beras itu bersama dengan apa-apa bekas, bungkusan, kenderaan, vesel atau artikel lain, yang di dalamnya padi atau beras itu dijumpai, atau apa-apa buku atau dokumen yang berkaitan dengannya hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyiaran suatu notis mengikut peruntukan subseksyen (2) oleh Ketua Pengarah atau seseorang pegawai diberikuasa melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum habis tempoh tiga puluh hari itu mengikut cara yang dinyatakan kemudian daripada ini.

(2) Notis yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mengandungi perihalan padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang disita dan hendaklah menghendaki seseorang yang mempunyai apa-apa tuntutan terhadapnya untuk memberi notis bertulis mengenai tuntutannya, dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis sebelum habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis itu.

KAWALAN PADI DAN BERAS

(3) Notis itu hendaklah disiarkan—

(a) dengan menampalkannya di tempat yang mudah dilihat—

- (i) di Pejabat Tanah, di daerah di mana padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu telah disita; dan
- (ii) di pejabat pegawai diberikuasa di Negeri di mana padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu telah disita; dan

(b) jika Ketua Pengarah berpendapat bahawa penyiaran dalam suatu alchbar adalah perlu, dalam akhbar yang diedarkan di Negeri yang padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu telah disita, sebagaimana Ketua Pengarah fikirkan patut.

(4) Seseorang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya apa-apa padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang disita di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya (yang disebutkan sebagai "pihak menuntut" dalam seksyen ini) dan apa-apa yang disita itu tidak boleh diluputhakkan bolehlah dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis memberi notis bertulis kepada seseorang pegawai diberikuasa bahawa dia menuntut apa-apa yang disita itu.

(5) Apabila pegawai diberikuasa menerima notis itu, dia hendaklah merujukkan tuntutan itu kepada Ketua Pengarah yang boleh mengarahkan supaya padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu dilepaskan kepada pihak menuntut jika dia berpuas hati bahawa pihak menuntut adalah pemunya yang sah benda-benda itu.

(6) Jika Ketua Pengarah tidak berpuas hati bahawa pihak menuntut adalah pemunya yang sah padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang disita di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dia hendaklah mengarahkan pegawai diberikuasa itu merujukkan tuntutan itu kepada seorang Majistret Kelas Pertama.

(7) Apabila sesuatu tuntutan dirujukkan kepada seseorang Majistret Kelas Pertama di bawah subseksyen (6), Majistret itu hendaklah mengeluarkan saman menghendaki pihak menuntut dan orang yang daripadanya padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu disita, jika dia bukan pihak menuntut, hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau ingkar hadir, setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu dan apabila terbukti bahawa sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan bahawa padi atau beras itu adalah hal perkara kesalahan, atau bahawa bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, boleh rnemerintahkan supaya benda-benda itu dilucuthakkan atau hendaklah jika tiada bukti sedemikian, mengarahkan supaya ia dilepaskan kepada orang yang pada pendapat Majistret itu adalah pemunya yang sah benda itu.

(8) Dalam apa-apa prosiding di bawah subseksyen (7), beban adalah atas pihak menuntut dan atas orang yang daripadanya padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu disita, jika dia bukan pihak menuntut, untuk membuktikan bahawa padi atau beras itu bukanlah hal perkara kesalahan itu atau bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu tidak digunakan dalam melakukan kesalahan itu.

(9) Jika pada pendapat Majistret pihak menuntut bukanlah pemunya yang sah padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang disita atau jika terdapat lebih daripada

seorang pihak menuntut, tiada sesiapa di antara pihak menuntut itu pemunya yang sah padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang disita, dia hendaklah memerintahkan supaya benda-benda itu dilucuthakkan.

16. (1) Jika padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang disita di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, seseorang pegawai diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh—

Pelepasan
atau
pelupusan
padi, beras,
dsb.

- (a) melepaskan bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu kepada pemunyanya atau kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada mana-mana orang yang difikirkan oleh pegawai diberikuasa atau pegawai polis berhak kepadanya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh pegawai diberikuasa atau pegawai polis berhak kepadanya, tertakluk, dalam apa-apa jua hal, kepada pemberian jaminan yang mencukupi yang memuaskan hati pegawai diberikuasa atau pegawai polis itu bahawa bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu hendaklah diserahkan kepada pegawai diberikuasa atau pegawai polis itu apabila tuntutan dibuat oleh pegawai diberikuasa atau pegawai polis dan terma-terma dan syarat-syarat tersebut, jika ada, akan dipatuhi;
- (b) melepaskan padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu kepada pemunyanya atau kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya ia disita, atau kepada mana-mana orang yang difikirkan oleh pegawai diberikuasa atau pegawai polis berhak kepadanya, dengan kebebasan kepada orang yang kepadanya ia dilepaskan untuk

RANG UNDANG-UNDANG

melupuskannya, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh pegawai diberikuasa atau pegawai polis itu, dan tertakluk, dalam apa-apa jua hal, kepada pemberian jaminan yang mencukupi yang memuaskan hati pegawai diberikuasa atau pegawai polis itu dalam amaun yang tidak kurang daripada amaun yang pada pendapat pegawai diberikuasa atau pegawai polis itu menunjukkan—

- (i) nilai pasaran terbuka padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain itu pada tarikh ianya dilepaskan sedemikian;
 - (ii) duti kastam yang kena dibayar berkenaan dengannya, jika ada; dan
 - (iii) cukai yang kena dibayar berkenaan dengannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, jika ada, bagi bayaran amaun yang dijamin sedemikian kepada Ketua Pengarah sekiranya Mahkamah membuat perintah melucuthakkan amaun itu di bawah Akta ini; atau
- (c) menjual atau memusnahkan, sebagaimana yang sesuai dalam hal keadaan itu, padi, beras, bekas, bungkusan atau artikel lain, yang pada pendapat pegawai diberikuasa atau pegawai polis itu, adalah jenis yang mudah musnah atau mungkin cepat merosot mutu atau nilainya, dan jika ianya dijual sedemikian, pegawai diberikuasa atau pegawai polis itu hendaklah memegang hasil jualan itu sementara menunggu keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan.
- (2) Mana-mana orang yang—
- (a) gagal menyerahkan kepada seseorang pegawai diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor,

apabila dituntut apa-apa bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang telah dilepaskan kepadanya di bawah perenggan (1)(a); atau

(b) gagal mematuhi atau melanggar apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan (1)(a) atau (b) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Liabiliti jenayah mana-mana orang di bawah subseksyen (2) hendaklah sebagai tambahan kepada apa-apa liabiliti lain yang ditanggung oleh orang tersebut atau mana-mana orang lain di bawah terma-terma dan syarat-syarat berhubungan dengan pelepasan apa-apa bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain di bawah perenggan (1)(a) atau apa-apa padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain di bawah perenggan (1)(b).

BAHAGIAN IV

KESALAHAN, PENALTI DAN PROSIDING

17. Seseorang yang menyembunyikan atau memusnahkan padi atau beras bagi maksud hendak menahan padi atau beras dari pasaran adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

4
Larangan atas penyembunyian atau pemusnahaan padi atau beras.

18. (1) Seseorang yang dilesenkan di bawah Akta ini untuk menjual beras, atau pengkhidmat atau ejen mana-mana orang itu, yang ada dalam milikannya suatu stok beras dan yang—

Kesalahan kerana enggan menjual beras.

(a) dengan salah menafikan yang dia ada beras dalam milikannya; atau

- (b) enggan, kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah, menjual beras dalam kuantiti yang munasabah mengikut perjalanan biasa perniagaan, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa adalah menjadi suatu pembelaan yang baik terhadap sesuatu pertuduhan di bawah perenggan (b) bahawa orang yang dituduh itu mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pembeli itu telah tidak dapat atau tidak mahu membuat pembayaran segera harga beras itu secara tunai.

(2) Pengidmat atau ejen seseorang yang dilesenkan di bawah Akta ini untuk menjual beras hendaklah disifatkan ada dalam milikannya suatu stok padi jika apa-apa beras disimpan atau distorkan dalam premis di mana dia bekerja atau dalam premis di mana beras boleh distorkan menurut terma-terma lesen itu dan jika dia menjual beras itu bagi pihak majikannya dalam perjalanan biasa pekerjaannya.

Syarat yang
menyalahi
undang-
undang.

19. Seseorang yang, dalam menjual padi atau beras, kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah, mengenakan syarat penjualan lain daripada syarat penjualan yang—

- (a) menghendaki pembayaran segera bagi padi atau beras itu;
- (b) menetapkan masa bila pembayaran itu mesti dibuat atau serahan diambil; atau
- (c) menghendaki sesuatu deposit berkenaan dengan penjualan padi atau beras itu,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Memiliki
padi atau
beras dengan
menyalahi
undang-
undang.

20. Seseorang yang ada dalam milikan atau kawalannya apa-apa padi atau beras dalam hal keadaan yang menimbulkan syak yang munasabah bahawa sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan atau berniat hendak dilakukan olehnya berhubungan dengan padi

atau beras itu, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini melainkan dia memuaskan hati Mahkamah bahawa kesalahan itu tidak dilakukan olehnya dan dia tidak berniat untuk melakukannya.

21. Seseorang yang menghalang atau menghindar Ketua Pengarah, mana-mana pegawai diberikuasa atau pegawai polis yang dengan sah menjalankan apa-apa kuasanya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah bersalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini. Kesalahan menghalang.

22. (1) Seseorang, selain daripada sesuatu pertubuhan perbadanan, tetapi termasuk seseorang pengarah atau pegawai sesuatu pertubuhan perbadanan, yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah, atau yang gagal mematuhi, mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya yang penalti baginya tiada diperuntukkan dengan nyatanya boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Penalti am.

(2) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah, atau yang gagal mematuhi, mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(3) Jika seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah suatu pertubuhan perbadanan, maka tiap-tiap orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan adalah pengarah atau pegawai pertubuhan perbadanan itu boleh dipertuduhkan bersesama dalam pembicaraan yang sama

dengan pertubuhan perbadanan itu, dan jika pertubuhan perbadanan itu disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan itu, tiap-tiap pengarah atau pegawai itu hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah berlakunya kesalahan itu.

(4) Seseorang yang boleh dikenakan apa-apa penalti di bawah mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya bagi apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri, boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh pekongsi, ejen atau pengkhidmatnya melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu.

Beban membuktikan, 23. (1) Dalam sesuatu pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atas pertuduhan melakukan suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang, melainkan jika orang yang melakukan perbuatan itu berhak berbuat demikian oleh sebab dia adalah pemegang sesuatu lesen, permit atau kebenaran, keizinan, kuasa atau pengecualian bertulis 'yang menghakkannya melakukan perbuatan itu, maka adalah memadai bagi pihak pendakwa mengatakan dan membuktikan bahawa orang itu melakukan perbuatan itu dan beban membuktikan adalah dengan itu terletak pada yang tertuduh itu untuk menunjukkan bahawa dia berhak melakukan perbuatan itu.

(2) Dalam sesuatu pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, pengemukaan oleh orang yang menjalankan pendakwaan suatu invois asal atau invois pendua yang dibuktikan dijumpai dalam milikan penjual hendaklah, jika diminta oleh orang yang menjalankan pendakwaan itu, diterima sebagai

keterangan *prima facie* mengenai sesuatu penjualan oleh penjual dan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalam invois asal atau invois pendua itu dan walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang yang berlawanan yang berkuatkuasa pada masa itu, beban membuktikan bahawa penjualan itu tidak berlaku atau bahawa apa-apa fakta yang dinyatakan dalam invois asal atau invois pendua itu bukanlah seperti apa yang dinyatakannya itu, adalah terletak pada yang tertuduh.

24. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, tiada seorang saksi pun dalam apa-apa juga prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh diwajibkan atau dibenarkan mendedahkan nama atau alamat seseorang pemberi maklumat atau maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membolehkan dirinya diketahui.

(2) Jika sesuatu buku atau dokumen menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa juga prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan di mana, mana-mana pemberi maklumat ada dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membolehkan dirinya diketahui, Mahkamah hendaklah memastikan semua catatan itu dilindungi daripada dilihat atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan mengenai sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya Mahkamah berpendapat, setelah kes itu disiasat dengan lengkap, bahawa pemberi maklumat itu telah dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan matan yang dia ketahui atau mempercayai adalah palsu atau yang dia tidak percaya adalah benar, atau jika keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa diketahui pemberi maklumat itu, Mahkamah boleh menghendaki dikemukakan aduan asal, jika bertulis, dan membernarkan siasatan, dan menghendaki pendedahan sepenuhnya mengenai pemberi maklumat itu.

Perlindungan
pemberi
maklumat
daripada
diketahui.

Benda-benda yang disita yang berkenaan dengannya ada pendakwaan. 25. (1) Jika prosiding jenayah dimulakan terhadap seseorang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, Mahkamah boleh memerintahkan perlucutahkan keseluruhan atau sebahagian daripada—

- (a) apa-apa padi atau beras yang berkenaan dengannya kesalahan telah dilakukan yang disita oleh, atau selainnya telah berada dalam milikan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa atau pegawai polis, atau apa-apa bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang digunakan dalam melakukan kesalahan atau yang dimaksudkan hendak digunakan bagi melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
 - (b) amaun yang dijamin di bawah perenggan 16(1)(a) jika bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang dilepaskan itu tidak diserahkan apabila diminta berbuat demikian, atau amaun yang dijamin di bawah perenggan 16(1)(b), atau amaun yang dihasilkan oleh jualan di bawah perenggan 16(l)(c).
- (2) Jika tiada perintah perlucutahkan dibuat di bawah subseksyen (1), Mahkamah hendaklah membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut bagi pelupusan padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a), dan amaun, jika ada, yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b).

Kesan perlucutahkan 26. Apa-apa padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang diperintahkan atau disifatkan telah dilucutahkan di bawah Akta ini, hendaklah diserahkan kepada seorang pegawai diberikuasa dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Ketua Pengarah.

27. Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta Mahkamah Rendah 1948, seseorang Majistret Kelas Pertama di Malaysia Barat atau di Negeri Sabah atau Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dan untuk mengaward hukuman penuh bagi kesalahan itu.

Bidang kuasa
Mahkamah.
Akta 92

28. Tiada apa-apa prosiding boleh dimulakan di bawah Akta ini terhadap mana-mana orang yang diberikuasa bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah yang dengan disedarinya melakukan atau meninggalkan dari melakukan apa-apa perbuatan yang jika tidak kerana peruntukan-peruntukan seksyen ini, akan menjadi suatu kesalahan:

Perlindungan
orang
diberikuasa.

Dengan syarat bahawa dia telah melakukan atau meninggalkan dari melakukan perbuatan itu dengan niat untuk mendapatkan bukti bagi maksud mendakwa penjual bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

BAHAGIAN V

AM

29. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suaimanfaat bagi memberikan kuatkuasa sepenuhnya kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, dan tanpa menjelaskan kluasan makna yang tersebut di atas, peraturan-peraturan itu boleh—

Kuasa untuk
membuat
peraturan.

- (a) menetapkan fungsi, kewajipan dan kuasa Ketua Pengarah atau seseorang pegawai diberikuasa;
- (b) menetapkan tanda atau label yang akan dicapkan atau dilekatkan oleh peruncit-peruncit pada bekas-bekas padi atau beras untuk menunjukkan kualiti, gred atau harga padi atau beras itu;

- (c) membuat peruntukan berhubungan dengan pelesenan pemborong, peruncit, pengilang padi, pengimport dan pengeksport dan menetapkan fee untuk dibayar bagi lesen yang dikehendaki di bawah Akta ini;
- (d) menetapkan apa-apa fee atau caj lain sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini;
- (e) menetapkan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berlanggaran dengan peruntukan mana-mana peraturan sebagai suatu kesalahan; dan
- (f) menetapkan apa-apa hal lain secara amnya untuk memberikan kuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.

**Kerahsiaan
dan penalti.**

30. (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding jenayah di bawah Akta ini, tiada pegawai diberikuasa boleh mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan apa-apa urusan persendirian yang telah diperolehinya semasa menjalankan tugasnya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.
- (2) Seseorang yang dengan disedarinya melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Ketak-
pemakaian
undang-
undang
tertentu
berkenaan
dengan padi
dan beras.
Akta 121.
Akta 122.**

31. Walau apa pun apa-apa jua peruntukan yang berlawanan, Akta Kawalan Harga 1946 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 hendaklah tidak terpakai bagi padi dan beras.

BAHAGIAN VI

PEMANSUHAN, PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PERALIHAN DAN KECUALIAN, DSB.

32. (1) Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 adalah dimansuhkan dan Lembaga yang ditubuhkan di bawahnya dibubarkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya atau mengikut Akta yang dimansuhkan itu hendaklah, setakat mana ianya tidak berlawanan dengan Akta ini, terus berkuatkuasa sehingga dipinda, dibatal atau digantikan oleh peraturan-peraturan baru yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Kecuali setakat yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh—

- (a) menyentuh keesahan apa-apa lesen, permit atau kuasa yang diberi atau dikeluarkan di bawah Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971; atau
- (b) menyentuh apa-apa hak, hakmilik, kepentingan, kebebasan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan.

33. Apa-apa tanah, hak dan kepentingan mengenai tanah, yang sebelum pembubarannya Lembaga, yang terletakhak atau dipegang oleh Lembaga hendaklah pada pembubarannya diletakhak atau dipegang oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi maksud Kerajaan tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahhakan atau pindahmilik.

Pemansuhan,
peruntukan-
peruntukan
peralihan dan
kecualian.
Akta 47.

Pindahmilik
tanah.

HURAIAN

Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 yang dicadangkan ("Akta") bertujuan membuat peruntukan-peruntukan dalam undang-undang berhubungan dengan padi dan beras dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian 1 bertujuan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* adalah berkenaan dengan tajuk ringkas dan bertujuan membenarkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Akta. Akta itu hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.
4. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II, yang menggabungkan *fasal-fasal 3, 4 dan 5*, bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlantikan Ketua Pengarah bagi mengawal padi dan beras. Fungsi dan kewajipannya juga dinyatakan. Di bawah *fasal 5*, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberi kepada Ketua Pengarah arahan-arahan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta.

BAHAGIAN III

6. Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai kuasa yang berhubungan dengan penguatkuasaan, penggeledahan, penyitaan, penangkapan dan perkara-perkara lain.
7. *Fasal 6* bertujuan membenarkan Ketua Pengarah memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah Bahagian ini.
8. *Fasal 7* bertujuan memberi kuasa kepada pegawai diberikuasa untuk mendapatkan maklumat berhubungan dengan padi atau beras daripada mana-mana orang atau orang-orang. Seseorang yang tidak mematuhi apa-apa permintaan untuk mendapatkan maklumat adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta.
9. *Fasal 8* bertujuan memperuntukkan kuasa kepada seseorang pegawai diberikuasa atau pegawai polis untuk memasuki premis bagi maksud menjalankan apa-apa penyiasatan atau pemeriksaan.
10. *Fasal 9* bertujuan memperuntukkan kuasa kepada seseorang pegawai diberikuasa untuk menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya. Walau bagaimana pun, kuasa untuk menangkap tanpa waran bagi apa-apa kesalahan boleh tangkap tidak boleh dijalankan olehnya.
11. *Fasal 10* bertujuan memperuntukkan kuasa kepada pegawai diberikuasa menghendaki kehadiran mana-mana orang yang berhubungkait dengan kes itu untuk membantunya dalam penyiasatan itu.

12. *Fasal 11* bertujuan memperuntukkan kuasa kepada pegawai diberikuasa untuk memeriksa mana-mana orang yang berhubung-kait dengan fakta dan hal keadaan sesuatu kes dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat.
13. *Fasal 12* bertujuan memberarkan Ketua Pengarah memberikuasa kepada pegawai-pegawaiannya menjalankan-pendakwaan.
14. *Fasal 13* bertujuan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan penyitaan padi atau beras atau apa-apa benda yang berkaitan dengan kesalahan itu. Pegawai diberikuasa atau pegawai polis 'memerlukan waran yang dikeluarkan oleh Majistret bagi maksud memasuki mana-mana premis dengan tujuan untuk membuat apa-apa penggeledahan atau penyitaan mana-mana padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain.
15. *Fasal 14* bertujuan memberi kuasa kepada pegawai diberikuasa atau pegawai polis untuk menahan dan menggeledah apa-apa kenderaan bagi maksud menentukan sama ada apa-apa padi atau beras terkandung di dalamnya diangkut berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peruntukan yang dibuat di bawahnya.
16. *Fasal 15* bertujuan mengadakan peruntukan bagi pelupusan padi atau beras yang disita di bawah Akta jika tiada pendakwaan. Suatu notis mengenai apa-apa benda yang disita hendaklah disiarkan. Mana-mana pihak menuntut boleh membuat tuntutan kepada Ketua Pengarah bagi pelepasan benda-benda yang disita. Jika Ketua Pengarah berpuashati bahawa pihak menuntut adalah pemunya sebenar padi, beras, bekas, bungkusan, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang disita, dia boleh mengarahkan supaya benda-benda itu dilepaskan kepada pihak menuntut. Walau bagaimanapun, jika dia tidak berpuashati bahawa pihak menuntut adalah pemunya sebenar, maka dia hendaklah merujuk perkara itu kepada Majistret supaya perkara itu didengar.
17. *Fasal 16* bertujuan membuat peruntukan bagi pelepasan atau pelupusan apa-apa padi atau beras atau apa-apa benda yang disita di bawah Akta. Tiga alternatif yang boleh digunakan bagi pelepasan atau pelupusan disebutkan satu per satu dalam perenggan 16(l)(a), (b) dan (c).

BAHAGIAN IV

18. Bahagian IV bertujuan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kesalahan-kesalahan, penalti dan prosiding.
19. *Fasal 17* bertujuan memperuntukkan larangan atas penyembunyian atau pemusnahan padi atau beras.

RANG UNDANG-UNDANG

20. *Fasal 18* bertujuan menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang yang dilesenkan di bawah Akta secara salah menafikan yang dia ada beras dalam miliknya atau enggan menjual beras dalam kuantiti yang munasabah mengikut perjalanan biasa urusannya.
21. *Fasal 19* bertujuan menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang mengenakan syarat-syarat yang tak sah bagi penjualan padi atau beras.
22. *Fasal 20* bertujuan menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang yang ada dalam milikan atau kawalannya padi atau beras dalam apa-apa hal keadaan yang semunasabahnya menimbulkan syak bahawa suatu kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan.
23. *Fasal 21* bertujuan menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang menghalang atau menghindar Ketua Pengarah, mana-mana pegawai diberikuasa atau pegawai polis dalam menjalankan dengan sah kuasa-kuasanya.
24. *Fasal 22* bertujuan memperuntukkan penalti am bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.
25. *Fasal 23* adalah mengenai beban membuktikan dalam apa-apa pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.
26. *Fasal 24* bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlindungan pemberi maklumat dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah daripada diketahui.
27. *Fasal 25* adalah mengenai benda-benda yang disita di bawah Akta atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang terdapat pendakwaan baginya. Mengikut mana yang sesuai, Mahkamah boleh membuat suatu perintah perlucutahkan atau suatu perintah pelepasan apa-apa padi, beras, bekas, bungkus, kenderaan, vesel, buku atau dokumen atau artikel lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan.
28. *Fasal 26* bertujuan memperuntukkan bahawa apa-apa benda yang diperintahkan untuk dilucutahkan di bawah Akta hendaklah diserahkan kepada seseorang pegawai diberikuasa dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan-arahan Ketua Pengarah.
29. *Fasal 27* bertujuan mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa Mahkamah untuk membicarakan sesuatu kesalahan di bawah Akta atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

KAWALAN PADI DAN BERAS

30. *Fasal 28* bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlindungan orang diberikuasa dalam melaksanakan kewajipannya di bawah "Akta.

BAHAGIAN V

31. Bahagian V bertujuan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara am.

32. *Fasal 29* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan memberi kuatkuasa sepenuhnya kepada Akta.

33. *Fasal 30* bertujuan mengadakan peruntukan bagi mewajipkan pegawai diberikuasa untuk menjaga kerahsiaan berhubungan dengan maklumat yang diperolehi dalam menjalani tugasnya.

34. *Fasal 31* bertujuan memperuntukkan bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan yang berlawanan dengannya, Akta Kawalan Harga 1946 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 tidaklah terpakai bagi padi dan beras.

BAHAGIAN VI

35. Bahagian VI adalah berkenaan pemansuhan, peruntukan-peruntukan peralihan dan kecualian.

36. *Fasal 32* bertujuan memansuhkan Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 dan membubarkan Lembaga yang ditubuhkan di bawahnya. Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dipinda, dibatal atau digantikan oleh peraturan-peraturan baru yang dibuat di bawah Akta. Pemansuhan itu tidaklah akan menjelaskan keesahan apa-apa lesen, permit atau kebenaran yang diberikan di bawah Akta yang dimansuhkan. Pemansuhan itu juga tidak akan menjelaskan apa-apa hak, hakmilik, kepentingan, kebebasan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan.

37. *Fasal 33* memperuntukkan bahawa apa-apa tanah, hak dan kepentingan mengenai tanah yang dimiliki oleh Lembaga Padi dan Beras Negara sebelum pembubarannya hendaklah apabila dibubarkan diletakkan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi maksud-maksud Kerajaan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1776.]